



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 APRIL 2017

PM hargai pelabur India

Um - 4/4/2017

NEW DELHI 3 April - Datuk Seri Najib Tun Razak melahirkan penghargaan kepada pelabur India yang terus yakin untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu diterjemahkan menerusi keputusan untuk memperluas dan mempelbagaikan pelaburan sedia ada.

Menurutnya, berdasarkan kepada nilai memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai hari ini, jumlah pelaburan India di Malaysia ialah RM145 bilion manakala pelaburan Malaysia di sini pula RM17.37 bilion.

"Kami merasa bangga dapat melibatkan diri dalam projek-projek pembangunan penting di negara ini.

"Syarikat-syarikat dari Malaysia membuktikan kemampuan mereka bertaraf dunia dan berupaya bersaing di peringkat tertinggi," katanya ketika berucap pada Forum Perniagaan

Malaysia - India di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan rakan sejawatannya, S. Nirmala; Presiden Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India (FICCI), Pankaj R Patel dan Naib Presiden Persekutuan Industri-industri India (CII), Rakesh Bharti Mittal.

Kata Najib, pada tahun lalu, India merupakan negara kesembilan terbesar melabur di Malaysia dengan nilai pelaburan sebanyak AS\$300 juta (RM1.32 bilion) dalam lapan projek sektor pembuatan.

Sementara itu, ketika berucap dalam Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global 2017 selepas itu, Najib berkata, berdasarkan kepada pelbagai kejayaan dan pencapaian dalam bidang ekonomi, Malaysia berada di landasan yang betul bagi mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi.